



Gambar hiasan. | Freepik.com

PENYELIDIK UTEM BERJAYA CIPTA KAKI PALSU CETAKAN 3D, LEBIH RINGAN, SELESA

@ Bernama 📅 6 jam lepas ❤️ NASIONAL 🕒 6 jam lepas

MELAKA: Sekumpulan penyelidik Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berjaya mencipta kaki palsu cetakan 3D yang mempunyai pelbagai ciri terkini berbanding produk kaki palsu konvensional di pasaran.

Ketua Penyelidik Kaki Palsu Cetakan 3D Mohammad Rafi Omar berkata antara kelebihan produk inovasi berkenaan adalah lebih ringan dengan berat purata hanya satu kilogram sekali gus lebih selesa.

Beliau berkata selain itu, produk tersebut mempunyai reka bentuk ergonomik, antaranya pengudaraan baik dengan struktur berlubang bagi membantu mengurangkan peluh terutamanya bagi pesakit diabetes yang mudah mengalami iritasi kulit.

"Kos penghasilan kaki palsu cetakan 3D pula adalah lebih rendah berbanding kaki palsu konvensional yang agak mahal dan proses penghasilannya hanya mengambil masa sekitar dua minggu bermula daripada proses reka bentuk sehingga ke pembuatan akhir," katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata idea penghasilan kaki palsu cetakan 3D berkenaan tercetus berdasarkan maklum balas pengguna yang memerlukan kaki palsu lebih ringan dan selesa.

Menurutnya ini kerana kebanyakan pengguna kaki palsu konvensional berdepan isu ketidakselesaan disebabkan peluh berlebihan.

Sementara itu, Naib Canselor UTeM Prof Datuk Dr Massila Kamalrudin berkata sehingga hari ini, tujuh kaki palsu

– BERNAMA